

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**DAKWAAN KEBOCORAN SOALAN UJIAN BERTUTUR SPM
ADALAH TIDAK BENAR, KPM PASTIKAN KERAHSIAAN
PEPERIKSAAN SPM 2025 TERPELIHARA**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian serius dakwaan kebocoran soalan Ujian Bertutur Bahasa Melayu dan Ujian Bertutur Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2025 seperti yang tular di media sosial.

Tindakan pantas telah diambil untuk menyiasat dakwaan ini termasuk dengan meneliti sebaran yang tular. Hasil siasatan mendapati bahawa maklumat yang ditularkan adalah senarai tema umum dan merupakan kandungan yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Senarai tema yang ditularkan adalah ramalan oleh guru dan calon peperiksaan SPM. Ia tidak menepati definisi kebocoran yang ditetapkan mengikut prosedur pengurusan dan pengendalian kes kebocoran kertas peperiksaan serta kawalan keselamatan Lembaga Peperiksaan.

Kertas peperiksaan awam disediakan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, diklasifikasikan sebagai sulit seperti peruntukan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 dan tidak boleh diakses oleh mana-mana pihak.

Semua calon peperiksaan SPM Tahun 2025 dinasihatkan untuk kekal tenang dan terus fokus kepada peperiksaan yang sedang berlangsung. KPM berusaha memastikan kerahsiaan kertas peperiksaan awam adalah terpelihara dan kepentingan serta keadilan kepada semua calon peperiksaan SPM Tahun 2025 adalah terjamin.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
11 NOVEMBER 2025**